

١٧ - باب مَا يُسْتَحَبُّ مِنْ حُسْنِ الظَّنِّ بِاللَّهِ عِنْدَ الْمَوْتِ

Bab (17): Keelokan Bersangka Baik Terhadap Allah Menjelang Kematian.

٣١١٣- حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ حَدَّثَنَا عِيسَى بْنُ يُونُسَ حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ عَنْ أَبِي سُفْيَانَ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ قَبْلَ مَوْتِهِ بِثَلَاثٍ قَالَ لَا يَمُوتُ أَحَدُكُمْ إِلَّا وَهُوَ يُحْسِنُ الظَّنَّ بِاللَّهِ.

3113- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Isa bin Yunus (bin Abi Ishaq)⁹⁷ meriwayatkan kepada kami, katanya: Al-A'masy (Sulaiman bin Mihrān) meriwayatkan kepada kami daripada Abi Sufyan (Thalhah bin Nāfi')⁹⁸ daripada Jabir bin Abdillah, beliau berkata, saya mendengar Rasulullah s.a.w. tiga hari sebelum meninggal bersabda, "Janganlah seseorang daripada kamu mati melainkan dalam keadaan ia bersangka baik terhadap Allah."⁹⁹

⁹⁷ as-Sabī'i al-Hamdāni, seorang perawi tsiqah. Hadits-haditsnya terdapat di dalam keenam-enam kitab utama hadits. 'Isa bin Yunus meninggal dunia pada tahun 187 Hijrah.

⁹⁸ al-Iskāf al-Qurasyi, maula mereka, al-Makki. Seorang tabi'i yang terkenal. Oleh kerana Thalhah kemudiannya menetap di Wāsiṭh sebagai pendatang, beliau juga dikatakan al-Wāsiṭhi. Beliau seorang perawi shadūq. Hadits-haditsnya terdapat di dalam keam-enam kitab utama hadits. Kata Thalhah, "Aku sempat tinggal bersama Jabir selama enam bulan." Tahun meninggal Thalhah dengan tepat tidak diketahui. Bagaimanapun ia diagak telah berlaku di antara tahun 111 hingga 120 Hijrah.

⁹⁹ Al-Khatthābi berkata, "Hanya orang yang elok amalannya akan bersangka baik terhadap Allah. Seolah-olahnya Nabi s.a.w. berkata, "Elokkan amalanmu, niscaya kamu akan bersangka baik terhadap Allah. Kerana orang yang buruk (tidak baik) amalannya, tentu akan bersangka buruk juga. Boleh juga sabda Rasulullah s.a.w. supaya bersangka baik terhadap Allah menjelang kematian itu difahami sebagai menaruh harapan akan keampunanNya." (Lihat al-Khatthābi – Ma'ālim as-Sunan j.1 m/s 301).

Ar-Rāfi'e di dalam Tarīkh Qazwīn pula berkata, "Boleh jadi juga ia bermaksud mendorong manusia supaya bertaubat dan melepaskan diri daripada segala kezaliman yang pernah dilakukannya. Apabila ia melakukannya, akan eloklah sangkaannya kepada Allah, dan akan adalah harapannya mendapat rahmat Allah." (Lihat at-Tadwīn Fi Akhbār Qazwīn j.1 m/s 138).

Kata an-Nawawi di dalam al-Majmū' Syarh al-Muhaddzab, "Maksud bersangka baik terhadap Allah itu ialah seseorang yakin bahawa Allah akan merahmatinya, ia menaruh

١٨ - باب مَا يُسْتَحَبُّ مِنْ تَطْهِيرِ ثِيَابِ الْمَيِّتِ عِنْدَ الْمَوْتِ

Bab (18): Keelokan Membersihkan Pakaian Seseorang Yang Hampir Mati Menjelang Kematiannya.

٣١١٤- حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ عَلِيٍّ حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي مَرْثِمٍ أَخْبَرَنَا يَحْيَى بْنُ أَيُّوبَ عَنِ ابْنِ الْهَادِ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَنَّهُ لَمَّا حَضَرَهُ الْمَوْتُ دَعَا بِثِيَابٍ جَدِّ فَلَبِسَهَا ثُمَّ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّ الْمَيِّتَ يُبْعَثُ فِي ثِيَابِهِ الَّتِي يَمُوتُ فِيهَا.

3114- Al-Hasan bin 'Ali (al-Hulwāni) meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Abi Maryam¹⁰⁰ meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya bin Ayyub¹⁰¹ meriwayatkan kepada kami daripada Ibnu al-Hād¹⁰² daripada Muhammad bin Ibrahim (at-Taimi) daripada Abi Salamah (bin 'Abdir Rahman bin 'Auf) daripada Abi Sa'id al-Khudri (Sa'ad bin Malik bin Sinān), bahawa ketika hampir

harapan baik kepada Allah apabila meneliti ayat-ayat al-Qur'an dan hadits-hadits yang menyatakan kemurahan Allah, keampunan dan rahmatnya serta apa yang dijanjikannya untuk orang-orang yang mentauhidkannya dan apa yang disimpanNya untuk mereka berupa rahmat di hari kiamat. Sebagaimana tersebut di dalam hadits Qudsi yang sahih bahawa Allah berfirman:

أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي

Bermaksud: Aku mengikut keyakinan hambaKu terhadapKu. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Tirmidzi, Ibnu Majah dll).

Inilah mafhum yang betul bagi hadits ke-3113 di atas. Itulah pendapat kebanyakan 'ulama' mengenainya. Al-Khatthābi telah mengemukakan ta'wilan yang ganjil apabila beliau mengatakan ia bermaksud: Elokkan amalanmu dan seterusnya...

Itu adalah satu ta'wilan yang tidak tepat, saya memberitahu tentangnya supaya orang ramai tidak terpedaya dengannya. (Lihat al-Majmū' j.5 m/s 108).

Kedudukan hadits ke-3113: Sahih. Selain Abu Daud hadits ini diriwayatkan juga oleh Muslim, Ahmad dan Ibnu Majah.

¹⁰⁰ Beliau ialah Sa'id bin al-Hakam bin Muhammad bin Sālim. Lebih terkenal dengan Ibnu Abi Maryam. Seorang perawi tsiqah yang haditsnya terdapat di dalam keenam-enam kitab utama hadits. Menurut sesetengah 'ulama' Ibnu Abi Maryam meninggal dunia pada tahun 224 Hijrah.

¹⁰¹ Seorang perawi shadūq. Kadang-kadang tersalah dalam periwayatannya. Haditsnya juga terdapat di dalam keenam-enam kitab utama hadits. Menurut Ibnu Yunus, Yahya bin Ayyub meninggal dunia pada tahun

¹⁰² Beliau ialah Yazid bin 'Abdillah bin al-Hād. Seorang perawi tsiqah. Haditsnya juga terdapat di dalam keenam-enam kitab utama hadits.